



## KENYATAAN MEDIA

Untuk Hebahan Segera

19 OKTOBER 2019

---

### WASH2DONATE: CUCI KERETA SAMBIL MENDERMA

---

**BANGI** – Atas rasa prihatin terhadap nasib penduduk Somalia yang kini sedang menderita kemarau berpanjangan hampir empat dekad, Islamic Relief Malaysia (IRM) sekali lagi tampil menghulurkan bantuan untuk menyediakan sumber air bersih kepada kira-kira 10 ribu penduduk di Wilayah Nugaal, Puntland, Somalia menerusi kempen Dana Wakaf Air Somalia (DWAS) 2.0.

Bagi merealisasikan projek pembinaan dua kompleks telaga air di kawasan itu, IRM muncul dengan inisiatif mencuci kereta sambil menderma bagi memberi peluang kepada masyarakat Malaysia khususnya komuniti Bangi dan penduduk berdekatan untuk menjalankan kerja amal secara tidak langsung dengan kerjasama Go Clean Carwash dan Masjid Al-Hasanah, Seksyen 9, Bandar Baru Bangi.

Pengarah Partner Care IRM, Kamarul Halim Sakrani berkata, program ini bukan sahaja untuk mengumpul dana semata-mata tetapi juga bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai pergolakan dan kesengsaraan penduduk Somalia.

“Pendekatan yang dijalankan menerusi program Wash2Donate dilihat dapat digunakan sebagai platform penyampaian mesej kemanusiaan secara lebih santai dan dekat dengan masyarakat.

“RM1 dari setiap cucian kereta di Go Clean Carwash akan disumbangkan kepada kempen DWAS 2.0 bagi mencapai sasaran sebanyak RM3.3 juta.”

Program amal ini sebenarnya telah bermula pada 5 September dan akan berakhir 31 Oktober 2019.

Pelbagai aktiviti menarik disediakan bagi memeriahkan program hari ini antaranya penampilan istimewa Ikon Kemanusiaan IRM, Suffian Amrin dari Kumpulan Saujana selaku moderator, Elfaeza UI Haq dan Ustaz Fauwaz Fadzil Noor selaku panel dalam forum Bicara Kemanusiaan yang membawa topik Hikmah Setitis Air.

IRM berharap dengan adanya program ini sedikit sebanyak dapat mewujudkan jaringan kolaborasi yang lebih erat di antara kakitangan, ikon dan sukarelawan IRM bersama rakan penjana dana, para penyumbang dan masyarakat setempat. Semoga lebih ramai lagi pihak tertarik untuk melaksanakan kerja-kerja amal agar tanggungjawab sosial untuk membantu golongan rentan dapat digalas bersama.

## **Mengenai Islamic Relief (IR)**

Islamic Relief (IR) adalah sebuah organisasi bantuan dan pembangunan kemanusiaan antarabangsa yang bebas. IR beribu pejabat di United Kingdom dan ditubuhkan pada tahun 1984. IR telah berkhidmat di lebih dari 45 buah negara, membantu lebih daripada 120 juta orang. IR juga mempunyai rangkaian tetap di lebih 30 buah negara merangkumi 100 buah cawangan di seluruh dunia. Skop bantuan IR merangkumi bantuan kecemasan, pembangunan mampan bersepadu, pengurangan risiko bencana dan advokasi.

YABhg. Tun Dr. Mahathir Mohamad telah merasmikan penubuhan Islamic Relief Malaysia (IRM) pada tahun 2005, bertujuan untuk meneruskan bantuan kemanusiaan IR di rantau Asia-Pasifik. Kini, IRM berperanan sebagai pejabat penjana dana dan pelaksana projek (antarabangsa & tempatan)

Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai program kemanusiaan IRM, sila layari laman web rasmi IRM iaitu atau hubungi IRM di talian tetap 03-8926 3434.

Bagi mereka yang ingin membuat sumbangan, salurkan sumbangan anda ke nombor-nombor akaun berikut atas nama Islamic Relief Malaysia :

**MAYBANK ISLAMIC | 5621 4270 8704**

**MBSB BANK | 1005 0251 0000 0166**

**BANK ISLAM | 12 029 01 006564 3**

**BANK RAKYAT | 11080 10000 35**

**CIMB ISLAMIC | 860 2073818**

**AFFIN ISLAMIC | 10 671 000278 4**

atau melalui :

**CHARITY SHOPPE | TUNAI / KAD KREDIT**

Kamarul Halim Sakrani

Pengarah, Partner Care

Islamic Relief Malaysia

- Tamat-

---

**Dikeluarkan oleh,**

**Islamic Relief Malaysia (IRM)-Reg No: 657354-W  
A-05-1, Paragon Point, Jalan Medan PB5, Seksyen 9,  
Pusat Bandar, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor**

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi **Unit Media**  
di talian 03-8926 3434, faks 03-8925 3434 atau

emel: [Malaysia.Media@islamic-relief.org.my](mailto:Malaysia.Media@islamic-relief.org.my) / whatsapp: +60192201788

Aduan atau maklum balas: [feedback.irmalaysia@islamicrelief.org.my](mailto:feedback.irmalaysia@islamicrelief.org.my) / whatsapp:+60196379788